Bil. (02) 1/PKKF/2017-2020

10 Februari 2020

Semua Ahli
Persatuan Kakitangan Kanan FELDA (PKKF)

Yang Berbahagia Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KAKITANGAN KANAN FELDA (PKKF) KALI KE-30**

Dengan hormat dan penuh takzimnya dimaklumkan bahawa ***'Mesyuarat Agung Persatuan Kakitangan Kanan FELDA (PKKF) Kali Ke-30'*** dijadualkan berlangsung pada **7 Mac 2020 (Sabtu), jam 2.30 petang** bertempat di **Dewan Ehsan, Pejabat Felda Wilayah Terengganu.**

2. Untuk makluman semua ahli, Agenda Mesyuarat Agung Persatuan Kakitangan Kanan FELDA Kali Ke-30 adalah seperti berikut:-

i. Ucapan Presiden Persatuan Kakitangan Kanan FELDA (PKKF);
ii. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Persatuan Kakitangan Kanan FELDA Kali Ke-29 yang telah diadakan pada 9 Disember 2017;
iii. Pembentangan Laporan Aktiviti Persatuan Kakitangan Kanan FELDA;
iv. Pembentangan Laporan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019;
v. Pembentangan Usul;
vi. Hal-Hal Lain; dan
vii. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Persatuan Kakitangan Kanan FELDA Sesi 2020-2023.

3. Bersama-sama ini disertakan **'Borang Pencalonan & Borang Usul'** untuk diisi oleh Yang Berbahagia Dato'/ Datuk / Tuan / Puan. Borang usul yang telah diisi perlu dikembalikan kepada Setiausaha Agung Persatuan Kakitangan Kanan FELDA melalui email norliza.o@felda.net.my atau asmuriza.m@felda.net.my sebelum **24 Februari 2020 (Isnin)** untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan dengan perkara di atas, sukacitanya Yang Berbahagia Dato' / Datuk / Tuan / Puan adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Persatuan Kakitangan Kanan FELDA Kali Ke-30.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

**(NORLIZA BINTI OTHMAN)**
Setiausaha Agung
Persatuan Kakitangan Kanan FELDA (PKKF)